

Qalam

KDN 3036

Jamādi al-Akhir 1388 September 1968

Bilangan 215 60 Sen.

Doa Restu Kita

Bersempena dengan terbitnya majalah Qalam bilangan ini bertepatan dengan hari “Ulang Tahun Kesebelas” kemerdekaan negara kita, maka dengan ini kita mengambil kesempatan menadahkan kedua belah tangan ke langit bermohon doa restu ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta’ālā*: “Semoga di sepanjang tahun menjelang hari ulang yang kedua belas dan seterusnya, negara kita yang kecil ini bertambah aman dan makmur, sekalian rakyatnya akan hidup saling cinta-mencintai, seluruh pemimpinnya terus-menerus akan menggembleng usaha dan tenaga mereka yang jujur ikhlas, seumum parti-parti politiknya saling bersefahaman, jauh daripada perasaan dengki dengki-mendengki, hasut-menghasut dan bercanggah-canggahan sesama sebangsa, seagama dan setanah air, demi untuk kemajuan negeri ini, demi untuk mencapai kemakmuran hidup seluruh rakyat, terutama rakyat dari golongan bumiputera yang sentiasa hidup miskin dan menderita dari sejak zaman penjajah hingga ke zaman merdeka.

Kepada seumum rakyat Malaysia dari peringkat bawah hingga ke peringkat atas kita mengucapkan “Selamat Menyambut Hari Merdeka” selamat bertugas dan berjuang untuk masa depan kita yang lebih cemerlang.

* * *

Perkara Bertudung

Ada suatu pendapat yang mungkin mengelirukan kalangan umat Islam yang terpengaruh oleh keadaan-keadaan hari ini sehingga boleh mengubah hukum-hukum yang telah ditetapkan dan ditentukan oleh Islam. Perkara itu ialah perkara tudung kaum wanita yang dipandang ringan oleh golongan-golongan yang memandang bahawa masalah itu ialah masalah “titik bengik” yang tidak begitu perlu diambil perhatian berat oleh masyarakat, yang perlu hanya mengisi iman di dada wanita-wanita itu.

Masyarakat wanita Islam kita telah membuang tudung kepala dan tudung itu dipandang perbuatan remeh yang menghambat kemajuan. Jadi anjuran atau perintah-perintah agama di dalam soal ini biarlah ditentang kerana agama itu membawa “kemunduran” kepada pemeluknya kalau ia bertudung dengan mengikut hukum agama – dan hanya yang perlu bagi mereka ialah iman di dada sahaja – untuk pendinding kepada mereka.

Aturan dan cara hidup umat Islam telah diajar dan ditunjukkan oleh al-Qur’ān dan al-ḥadīth – bukan diajar atau ditunjuhi dengan *sentiment* perseorangan atau sesuatu golongan dan puak.

Menurut ajaran dan hukuman Islam pakaian perempuan yang boleh dibuka di dalam Islam itu ada empat macam:

1. Ia boleh membuka kepala, muka, kaki, perhiasan-perhiasan di badan dan dua tangannya seberapa perlu untuk bekerja di rumah di hadapan perempuan-perempuan Islam, suami, ayah mertua anak, anak tiri, saudara, anak saudara, hamba, orang gaji yang tiada berkemahuan kepada perempuan, anak-anak yang belum berkemahuan kepada perempuan.

2. Di dalam sembahyang wajib ia menutup semua badannya kecuali muka dan tapak tangan sampai ke pergelangan.

3. Kalau ada seorang lelaki yang hendak bertemu dia di rumahnya kerana ada sesuatu keperluan, ia boleh berjumpa dengannya dengan dihadiri oleh seorang mahramnya, tetapi pada waktu itu tidak boleh ia menampakkan selain daripada muka dan dua tapak tangan dan apa-apa yang ada di atas tangan itu sahaja.

4. Keluar dari rumah yakni berjalan di jalan raya hendaklah ia memakai tudung kepala dan tidak boleh ia membunyi-bunyikan perhiasan-perhiasannya dan menghentak-hentak kakinya.

Inilah peraturan-peraturan pakaian Islam. Aturan ini berjalan dan diperintahkan untuk menjauhkan fitnah yang membawa kepada kerosakan maruah sama ada lelaki ataupun perempuan. Sehingga pernah seorang buta datang ke rumah Rasulullah, beliau menyuruh isteri-isterinya masuk dan salah seorang daripada isteri Nabi bertanya: Bukankah yang datang itu seorang buta? Nabi menyatakan ia tidak melihat kamu, tetapi kamu tidak melihat kepadanya dan ia diperintah Nabi sesudah turunnya ayat hijab yang hukumnya berjalan hingga hari ini.